



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
يَوْمَ تَبْرَأُونَ مِنِّي إِسْلَامًا أَيْتَارًا يَجْسِبًا مِلَّةِ نَبِيِّنَا

TUGAS-TUGAS HAKIM DALAM PERBICARAAN JENAYAH  
DAN MAL DI MAHKAMAH SYARIAH

OLEH

ZULFIKRI BIN YASOA

PENYELIA

PROF. TAN SRI DATO' SYED AGIL BARAKBAH

KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN ILMIAH  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN  
KEHAKIMAN ISLAM  
SESI 1992/93

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA  
PETALING JAYA  
SELANGOR

(HEI 1993)

DEDIKASI

BUAT:

AYAH DAN IBU TERCINTA

ADIK-ADIK YANG DIRINDUI:

NIE, HANN, MAR, DAH,  
KIE, DANN, YU & ZITA

GURU-GURU TERSAYANG:

PROF. AHMAD, PROF. SAEDON,  
TAN SRI SYED AGIL, UST.  
MOHAMED, PAK NIK, UST.  
IDRIS, EN. BAHARUDDIN  
EN. OTHMAN DLL

TEMAN SEPERJUANGAN

SAHABAT TAILAN

DAN INSAN SEJAGAT

HANYA PERSADA INI DAPAT KU  
PERSEMBAHKAN PADA KALIAN...  
TERIMALAH

## ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan sebuah kajian mengenai undang-undang prosedur jenayah dan prosedur mal yang diamalkan di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia amnya dan di Negeri Selangor khususnya sebagai sampel kajian.

Sepanjang kajian ini penulis cuba menjelaskan tentang tugas-tugas, peranan-peranan yang diperlu dimainkan oleh Hakim dalam mengendalikan satu-satu perbicaraan. Penulis membahagikan kajian ini kepada enam bab. Dalam bab pertama, penulis menerangkan tentang latar belakang penulisan ini dari segi tujuan kajian, metodologi kajian, skop kajian dan beberapa perkara lagi.

Dalam bab kedua pula, penulis cuba membawa perbincangan umum mengenai konsep kehakiman dalam Islam dan kedudukannya di Malaysia. Dalam bab ini penulis cuba membincangkan tentang definisi kehakiman, bidangkuasa Hakim, prinsip-prinsip Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah di Malaysia.

Manakala dalam bab ketiga pula, penulis cuba membawa perbincangan umum mengenai undang-undang prosedur jenayah dan juga prosedur mal yang diamalkan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Dalam perbincangan ini

prosedur ketika pra perbicaraan, semasa perbicaraan, keputusan dan rayuan juga disentuh secara sepintas lalu.

Dalam bab keempat pula, penulis membawa perbincangan yang lebih serius dan memberi penekanan khusus kepada tugas-tugas hakim dalam perbicaraan (trial) jenayah. Dalam bab ini perbincangan dimulakan dengan pertuduhan dibaca dan berakhir dengan hukuman dijatuhkan.

Dalam bab kelima pula, penulis membincangkan tentang peranan dan tugas Hakim dalam perbicaraan (trial) mahkamah. Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan kehadiran pihak-pihak yang bertikai sehinggalah hukuman dijatuhkan.

Dalam bab terakhir pula, penulis telah membuat satu kesimpulan mengenai pelaksanaan undang-undang yang diamalkan di Mahkamah Syariah, masalah-masalah dan cara-cara yang dirasakan perlu untuk mengatasinya.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف  
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Pertamanya penulis mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, rahmat dan hidayatNya telah memberi kekuatan kepada diri penulis dalam rangka menyiapkan sebuah penulisan ilmiah sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ) dari Universiti Islam Antarabangsa bagi tahun pengajian 1992/1993.

Seterusnya setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan buat semua tenaga pengajar yang telah mendidik dan mencurahkan ilmu pengetahuan yang tiada ternilainya pada kepada diri penulis. Penulis menyerahkan segala-galanya kepada Allah Ta'ala untuk membalas jasa baik mereka selama ini.

Pada kesempatan ini juga penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Tan Sri Dato' Syed Agil Barakbah yang bertindak sebagai penyelia dalam menjalankan penulisan ini. Segala tunjuk ajar dan

bimbingan yang telah diberikan moga-moga mendapat ganjaran dari Allah Ta'ala. Tidak lupa juga penulis ucapkan terima kasih itu kepada kedua ibubapa penulis yang berusaha payah mendidik, memberi pelajaran dan berkorban untuk penulis. Insya Allah penulis akan cuba menjadi anak yang baik.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada Makmal Komputer Kulliyah Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Umum Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Pusat Islam yang memberi kerjasama kepada penulis untuk mengumpulkan bahan dan menyiapkan penulisan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini kepada pihak Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor yang membenarkan penulis membuat tingsuan di sana.

Penulis juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada teman-teman sebumbung penulis: Zahir, Kamarulzaman, Affendi dan Mohammad yang bersama-sama merasai pahit manis hidup bersama penulis. Ucapan terima kasih ini juga penulis tujukan khusus untuk teman-teman sekuliah penulis yang menghabiskan masa selama setahun bersama penulis. Untuk 'gang budak hitam' Hasnan, Khawi, Kak Za, Kak Ita, Kak Finah dan Dina, ragam kalian semua banyak meninggalkan kenangan kepada penulis. Tiada ucapan lain yang dapat penulis rakamkan di sini kecuali

terima kasih dan kenangan manis bersama kalian  
sentiasa segar sepanjang hidup penulis.

Penulis juga tidak melupai untuk mengucapkan  
terima kasih kepada teman-teman penulis dari DAIJ 1 dan  
LLB(Syariah) sesi 1992/93 yang banyak membantu penulis  
sepanjang pengajian penulis di sini. Istimewa sekali  
penulis ucapkan terima kasih kepada seorang yang telah  
memberi kebahagiaan, semangat dan dorongan kepada  
penulis untuk menyiapkan penulisan ini. Semoga  
kebahagiaan menjadi milik bersama.

Untuk akhirnya semoga kerja-kerja ini dapat  
memberi manfaat kepada semua pembaca, yang baik itu  
datang dari Allah dan yang tidak baik timbul dari  
kelemahan penulis sendiri.

Wassalam

Salam Ikhlas,

Zulfikri b. Yasa

Lot 2070, Kg. Tasik Pauh, 17-3-14, Taman Bukit Angkasa,

16800 Pasir Putih, Jalan Pantai Dalam,

Kelantan Darul Naim 59200 Kuala Lumpur.

20hb. Mei 1993

## KANDUNGAN

<u>Parkara</u>	<u>Mukasurat</u>
Abstrak .....	ii
Penghargaan .....	iv
Kandungan .....	vii
Senarai Statut .....	xii
Senarai Kes .....	xiii
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Tujuan Kajian .....	1
1.3 Latar Belakang Kajian .....	3
1.4 Skop Kajian .....	4
1.5 Metodologi Kajian .....	5
1.6 Sistematika Penulisan .....	6
1.7 Masalah Kajian .....	8
NOTA RUJUKAN .....	10



## BAB 2

### KEHAKIMAN ISLAM DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan.....	11
2.2 Definisi Kehakiman.....	12
2.2.1 Definisi Dari Segi Bahasa.....	12
2.2.2 Definisi dari Segi Syara'.....	13
2.3 Dalil Pensyariatkan Kehakiman.....	14
2.3.1 Dalil Dari Al-Quran.....	14
2.3.2 Dalil Dari Al-Sunnah.....	17
2.4 Kepentingan Kehakiman.....	18
2.5 Prinsip-prinsip Kehakiman Islam.....	22
2.6 Bidangkuasa Hakim Dalam Islam.....	26
2.7 Kedudukan Kehakiman Islam Di Malaysia.....	30
NOTA RUJUKAN.....	40

## BAB 3

### PROSIDING PERBICARAAN DI MAHKAMAH SYARIAH

3.1	Prosiding Jenayah Di Mahkamah Syariah.....	42
3.1.1	Pra Perbicaraan.....	42
3.1.2	Perbicaraan.....	45
3.1.3	Keputusan.....	50
3.2	Rayuan Jenayah	
3.2.1	Rayuan Jenayah Ke Mahkamah Tinggi Syariah.....	53
3.2.2	Rayuan Jenayah Ke Mahkamah Rayuan Syariah.....	56
3.3	Prosiding Mal Di Mahkamah Syariah	
3.3.1	Pra Perbicaraan.....	59
3.3.2	Perbicaraan.....	65
3.3.3	Keputusan.....	68
3.4	Rayuan Mal.....	69
	NOTA RUJUKAN.....	74

## BAB 4

### TUGAS-TUGAS HAKIM DALAM PERBICARAAN JENAYAH DI MAHKAMAH SYARIAH

4.1 Pendahuluan.....	80
4.2 Permulaan Kes Pendakwa.....	84
4.3 Mengemukakan Saksi.....	85
4.4 Pemeriksaan Saksi.....	86
4.5 Penutupan Kes Pendakwa.....	89
4.6 Pembukaan Kes Pembela.....	91
4.7 Pemeriksaan Oleh Hakim.....	93
4.8 Penutupan Kes.....	96
4.9 Keputusan.....	97
4.10 Hukuman.....	101
NOTA RUJUKAN.....	105

BAB 5

TUGAS-TUGAS HAKIM DALAM PERBICARAAN MAL

DI MAHKAMAH SYARIAH

5.1 Kehadiran Pihak-pihak.....	110
5.2 Permulaan Kes.....	111
5.3 Pembukaan Kes Plaintiff.....	112
5.4 Pemeriksaan Saksi.....	114
5.5 Kes Defendan.....	120
5.6 Penggulangan.....	121
5.7 Keputusan.....	123
NOTA PIJUKAN.....	126

BAB 6

PENUTUP

6.1 Kesimpulan.....	129
6.2 Saranan.....	133
6.3 Penutup.....	134

## SENARAI STATUT

Akta Keterangan 1950

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1985

Akta Mahkamah Syariah (Pindaan) 1985

Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 Perkara 5(4)

Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 Perkara 121

Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor 1991

Enakmen Kanun Prosedur Mal Selangor 1991

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 1991

Enakmen Majlis Agama Dan Adat Istiadat Melayu Dan  
Mahkamah Qadi Kelantan 1953

Enakmen Pentadbiran Perundangan Negeri Selangor 1889

Kanun Prosedur Jenayah

Perlembagaan Persekutuan

Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah Jenayah Syariah  
Wilayah Persekutuan 1990

## SENARAI KES

- Adel Muhammad El Dabbah lwn Attorney-General For Palestine (1949) A.C. 156
- Aisyah bt. Abdul Rauf lwn Wan Mohd. Yusuf b. Wan Othman (1991) 7 JH Bhg.11 152
- Chong Ah Chai lwn PP (1979) 2 MLJ 262
- Fung Hung Sion lwn PP (1950) MLJ 293
- Hayati bt. Othman lwn Ayob b. Zainal (1991) 7 JH Bhg.11 246
- Huang Chin Shiu lwn Rex (1952) MLJ 7
- Hwa Tua Tau lwn PP (1981) 2 MLJ 49
- Jufery bin Hasyim lwn PP (1986) 2 MLJ 239
- Mat lwn PP (1983) MLJ 263
- Mustafa bin Bateha lwn A. Hafeeba (1991) 7 JH Bhg 11 89
- Pendakwa Syarie lwn Jusafar bin Sudin (1991) 7 JH, Bhg.11 (1991) 7 JH Bhg 11 253
- PP lwn Buldev Singh (1985) 2 MLJ 251
- PP lwn Cheah Chooi Chuan (1972) 1 MLJ 215
- PP lwn James Tan (1983) 2 MLJ 173
- PP lwn Mohammad Said (1984) 1 MLJ 50
- PP lwn Syarikat Perusahaan Makanan Bekerjasama (1969) 2 MLJ 250
- PP lwn Tengku Hitam (1932) MLJ 34
- Tan Ah Ting lwn PP (1924) 2 MLJ 37

**BAB PERTAMA**  
**PENDAHULUAN**

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Tugas-tugas Hakim di dalam perbicaraan Jenayah dan Mal di Mahkamah Syariah adalah tajuk bagi kertas projek ini.

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauhmana peranan dan tugas seseorang Hakim yang wujud dalam sesuatu perbicaraan. Kajian ini juga melihat apakah peranan yang sepatutnya dimainkan oleh seorang Hakim dalam mengendalikan perbicaraan khususnya di Mahkamah Syariah.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada tugas dan tanggungjawab Hakim semasa perbicaraan (trial) sahaja dengan tidak memberikan penekanan kepada pra perbicaraan, pelaksanaan hukuman dan rayuan.

### 1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini ditulis bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma Pentadbiran Undang-undang Dan Kehakiman Islam (DAIJ) dari Universiti Islam Antarabangsa bagi sesi 1992/93.



Rasional pemilihan tajuk adalah kerana memandangkan kepada perlunya rujukan-rujukan bagi Hakim-Hakim khususnya Hakim Mahkamah Syariah dalam mengendalikan perbicaraan mereka. Terdapat banyak kes yang mana Mahkamah Rayuan Syariah ataupun Jawatankuasa Ulangbicara menegur keputusan-keputusan Hakim mahkamah perbicaraan kerana ianya tidak dibuat dengan menggunakan prosedur yang betul. Ada di antaranya yang diubah keputusannya dan ada yang diperintah ulang bicara. Adalah diharap kajian ini akan dapat membantu para Hakim Mahkamah Syariah agar dapat memahami tugas dan peranan mereka dalam perbicaraan.

Kajian ini juga dibuat, kerana dirasakan ianya perlu akibat pertambahan bidangkuasa Mahkamah Syariah dengan berlakunya pindaan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini mengakibatkan pemisahan bidangkuasa Mahkamah Awam dengan Mahkamah Syariah. Dengan itu, Mahkamah Syariah kini mengendalikan sepenuhnya semua kes-kes yang berada di bawah bidangkuasanya dan tidak ada peluang lagi untuk dirayu di Mahkamah Awam. Hal ini menyebabkan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah perlu untuk lebih mahir, cekap dan lebih berkeyakinan untuk mengendalikan kes. Terdorong dari keadaan inilah maka penulis merasakan perlunya kajian seperti ini dilakukan.

### 1.3 Latar Belakang Kajian

Di dalam kajian ini penulis banyak merujuk kepada statut-statut yang berkaitan dengan prosedur di Mahkamah seperti Enakmen Acara Jenayah, Enakmen Acara Mal, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan Akta Keterangan.

Penulis juga banyak membuat rujukan-rujukan kepada kes-kes yang telah diputuskan seperti mana yang dilaporkan dalam Malayan Law Journal (MLJ) dan juga seperti mana yang dimuatkan dalam Jurnal Hukum (JH) yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwat Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS).

Bagi rujukan kepada konsep kehakiman dan prosedur di dalam Islam penulis banyak membuat rujukan kepada kitab-kitab yang berbahasa Arab, buku-buku dan kertaskerja-kertaskerja seminar. Antara penulis-penulis yang menjadi rujukan penulis ialah seperti Al-Mawardi, Ibn. Abi Al-Dam, Mohd. Khatib Syarbini, Prof. Ahmad Ibrahim, Prof. Mahmud Saedon. Penulis juga membuat rujukan terhadap prosedur yang diamalkan di Mahkamah Awam, antara penulis yang menjadi rujukan penulis di sini seperti Mimi Kamariah, Grace Chang dan beberapa orang lagi.

#### 1.4 Skop Kajian

Skop perbincangan dalam kajian ini ialah mengenai peranan dan tugas Hakim dalam perbicaraan mal dan jenayah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun penulis telah mengambil Negeri Selangor Darul Ehsan sebagai sampel kajian. Pemilihan ini berdasarkan negeri tersebut mempunyai sistem Kehakiman Islam yang agak terkehadapan dan tersendiri.

Dari segi penulisan pula penulis menggunakan undang-undang yang ditadbirkan di Negeri Selangor sebagai model untuk kajian. Undang-undang tersebut ialah Kanun Jenayah Syariah Selangor 1991 dan Enakmen Kanun Prosedur Mal Selangor 1991. Walau bagaimanapun untuk melengkapkan lagi penulisan ini, penulis juga membuat rujukan kepada Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1990, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 1991 dan Akta Keterangan Malaysia 1950. Rujukan-rujukan ini dibuat disebabkan Negeri Selangor tidak mempunyai peruntukan undang-undang seperti yang disebutkan dalam undang-undang tadi.

Dari segi had penulisan pula, penulis mengkhususkan penulisan ini kepada peringkat *perbicaraan* dan proses menjatuh hukuman semata-mata. Dengan ini proses pra perbicaraan dalam acara mal dan acara

jenayah, proses pelaksanaan hukuman dan proses rayuan tidak diberi penekanan yang serius oleh penulis.

### 1.5 Metodologi Kajian

Metodologi diertikan sebagai ilmu tentang cara mengadakan pemerhatian.<sup>1</sup> Ia berasal dari bahasa Yunani yang bererti cara dan logos yang bererti ilmu.<sup>2</sup> Jadi, metodologi ialah ilmu tentang cara. Dalam bidang penelitian secara ilmiah, metod merupakan cara bekerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>3</sup>

Penelitian ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data yang terkumpul.<sup>4</sup> Dalam usaha untuk mengumpul data bagi penulisan ini, penulis telah menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data yang diperlukan. Penulis menggunakan;

#### a) Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi adalah cara pengumpulan data dengan menumpukan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti.<sup>5</sup> Dalam penulisan ini dokumen yang didapati ialah dengan membuat penyelidikan perpustakaan (library research). Penyelidikan ini dilakukan di Perpustakaan Utama

Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan di Perpustakaan Awam Pusat Islam.

#### b) Metod Observasi

Metod Observasi ialah cara pengumpulan data yang dilakukan dengan membuat pengamatan secara langsung terhadap sesuatu objek penelitian. Penulis dalam hal ini telah membuat penelitian hampir setiap minggu terhadap perbicaraan-perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan kadangkala di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Shah Alam.

Setelah data-data diperolehi, penulis mula menganalisis data dengan menggunakan metod deduktif. Metod Deduktif ialah cara membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar bagi mencari kesimpulan yang bersifat khusus.<sup>8</sup>

#### 1.8 Sistematika Penulisan

Kajian ini secara keseluruhannya adalah merupakan sebuah kajian mengenai prosedur perbicaraan di Mahkamah Syariah dalam kes-kes jenayah dan mal. Penumpuan yang agak mendalam ditekankan kepada apa yang diamalkan di

negeri Selangor Darul Ehsan.

Sepanjang kajian ini penulis telah cuba menjelaskan peranan dan tugas Hakim dalam satu-satu perbicaraan khususnya dan institusi kehakiman amnya. Penulis membahagikan penulisan ini kepada enam bab. Bab 1 ialah bab pendahuluan, bab 2 mengenai Institusi Kehakiman Islam dan Kedudukannya di Malaysia, bab 3 mengenai prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah, bab 4 mengenai tugas-tugas Hakim dalam perbicaraan jenayah, bab 5 mengenai tugas-tugas Hakim dalam perbicaraan mal dan bab 6 adalah penutup.

Dalam bab 1, penulis telah cuba memberi pengetahuan umum mengenai penulisan ini dengan memasukkan pendahuluan, latarbelakang kajian, bidang kajian, tujuan kajian, skop kajian, sistematika penulisan, metodologi kajian dan masalah kajian.

Dalam bab 2, penulis cuba membawa para pembaca tentang konsep umum institusi kehakiman dalam Islam dan kedudukannya di Malaysia. Penulis membahagikan tajuk-tajuk kecil kepada definisi kehakiman, kepentingan kehakiman, prinsip-prinsip Kehakiman Islam, bidangkuasa hakim dan kedudukan Kehakiman Islam di Malaysia.

Dalam bab 3, penulis telah cuba membincangkan prosiding yang digunakan dalam mahkamah syariah sama ada dalam kes jenayah dan juga kes mal. Dalam prosiding jenayah penulis telah membahagikan kepada empat bahagian iaitu pra perbicaraan, semasa perbicaraan, selepas perbicaraan dan rayuan. Begitu juga dalam prosiding mal.

Dalam bab 4 iaitu kemuncak perbincangan penulis mengenai tugas-tugas Hakim dalam perbicaraan jenayah, penulis membahagikan kepada tajuk-tajuk yang lebih kecil iaitu pendahuluan, pembukaan kes pendakwa, pemeriksaan saksi, kes pembela dan juga hukuman. Apa yang dimaksudkan dengan 'perbicaraan' oleh penulis di sini ialah perbicaraan (trial) tidak termasuk pra bicara dan perlaksanaan hukuman.

Dalam bab 5, iaitu bab kemuncak perbincangan penulis tentang tugas-tugas dan peranan-peranan Hakim dalam perbicaraan mal, penulis telah membahagikan bab ini kepada beberapa tajuk kecil seperti kehadiran pihak-pihak, permulaan kes penuntut, pemeriksaan saksi, kes defendan, penggulungan dan keputusan.

Dalam bab 6, iaitu bab terakhir, penulis cuba membuat kesimpulan berdasarkan perbincangan-perbincangan dalam bab yang telah lalu. Penulis juga membuat beberapa

saranan untuk diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan dan juga mengakhiri penulisan ini dengan satu penutup.

### 1.7 Masalah Kajian

Semasa penulis melakukan kajian ini terdapat berbagai masalah yang dihadapi oleh penulis. Masalah utama ialah untuk memahami data-data yang berbahasa Arab dan Inggeris. Boleh dikatakan rujukan dalam Bahasa Malaysia amat berkurangan.

Masalah selanjutnya ialah untuk memahami tugas-tugas dan peranan hakim secara mendalam dalam satu-satu perbicaraan, kerana terdapat banyak kes yang ditangguhkan atau kes-kes yang sama jenisnya misalnya mengaku salah dalam kes khalwat. Boleh dikatakan keseluruhan kes khalwat adalah kes mengaku salah. Jadi tugas sebenar seorang Hakim dalam perbicaraan tidak begitu terserlah.

Walau bagaimanapun hasil tunjuk ajar dan bimbingan penyelia penulis, kajian ini akhirnya dapat juga diselesaikan.